



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**(SEBUT HARGA NO. JBPMKL 01/2015)**

1. Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil Sebut Harga	Tajuk Projek	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Sebut harga Diperolehi	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur.	<p><b>Cadangan Kerja-kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Kuarters Balai Bomba Dan Penyelamat Chow Kit, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur.</b></p> <p><b>Taklimat dan Lawatan Tapak</b></p> <p><b>Kehadiran: Diwajibkan</b></p> <p><b>Tarikh : 09.04.2015 (Khamis)</b>  <b>Masa : 10.00 pagi</b>  <b>Tempat : Balai Bomba &amp; Penyelamat Chow Kit, Kuala Lumpur</b></p>	<p>Terbuka / T1</p> <p><b>Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari</b></p>	<p><b>CIDB</b></p> <p>Gred G2 / G3</p> <p>Kategori B</p> <p>Penghususan B04 (Kerja Am Bangunan)</p>	<p>Bahagian Pengurusan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur.</p> <p><b>Mulai : 09 April 2015 (Khamis)</b></p>	<p>Bahagian Pengurusan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur.</p> <p><b>Tarikh: 15 April 2015 (Rabu)</b>  <b>Masa : 12 tengahari</b></p>

\* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi di **Bahagian Pengurusan, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai **09 April 2015 (Khamis)** selepas lawatan tapak.

3. Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **09 April 2015 (Khamis)**, jam **10.00 pagi** di **Balai Bomba dan Penyelamat Chow Kit, Kuala Lumpur**. **KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN**.

4. **Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera dengan PKK (jika ada)** yang **asal** dan masih sah hendaklah **ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat** hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan/atau tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada 09 April 2015 (Khamis)**.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Pengurusan, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 15 April 2015 (Rabu)**. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

6. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat **[www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)**